

02 JUL 2003

Samy-Pelajar/I

KEMENTERIAN KESIHATAN AKAN SELESAIKAN ISU PELAJAR PERUBATAN MANIPAL

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan Kementerian Kesihatan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penuntut Kolej Perubatan Manipal berhubung syarat baru yang ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC), kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata Dr Mahathir telah memberikan arahan itu kepada Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng pada mesyuarat Kabinet hari ini.

"Perdana Menteri telah mengarahkan Datuk Chua untuk menyelesaikan isu itu dengan baik," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Samy Vellu, yang juga Presiden MIC berkata sebelum itu beliau telah membawa kepada perhatian Kabinet mengenai masalah penuntut terbabit, yang kini menghadapi masalah apabila MMC menetapkan syarat baru bagi pengiktirafan ijazah yang ditawarkan oleh Manipal.

Menurut laporan akhbar, lebih 1,000 penuntut kolej itu berada dalam dilema berikutan tindakan MMC itu.

Laporan yang sama juga memetik Samy Vellu sebagai berkata bahawa MMC sepatutnya menggariskan syarat berkenaan sebelum Kementerian Pendidikan meluluskan kolej itu.

Samy Vellu juga berkata pada mesyuarat Kabinet itu, Perdana Menteri juga menyatakan yang beliau secara peribadi akan meneliti perkara berhubung hanya seorang penuntut India diberikan tempat bagi mengikuti kursus ijazah perubatan di Universiti Malaya.

Samy Vellu berkata beliau dan MIC menyokong penuh sistem meritokrasi dan mahu sistem itu diteruskan.

-- BERNAMA

ES NM MFJ RHM